

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-syarat tawaran:

1. Tawaran adalah dibukakan kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:
 - Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas) dan Sijil Pendaftaran Seksyen 16 & 17.
 - Kontraktor dan pembekal yang menyertai Tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai lesen pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan dalam Kategori Perkhidmatan [E] iaitu E01 dan E03
2. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup (*sealed*) tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan/pembekal/pemborong, ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen Tawaran.

Tajuk tawaran:

TERM MAINTENANCE FOR DVOR/DME, ILS/DME, FLIGHT CALIBRATION, OTHER ASSOCIATED FACILITIES AND UTILITIES

Tarikh iklan/mengambil dokumen Tawaran : 14 September 2026, hari Isnin
Tarikh terakhir mengambil dokumen Tawaran : 26 Oktober 2026, hari Isnin
Tarikh tutup Tawaran : 27 Oktober 2026, hari Selasa
(tidak lewat jam 02.00 petang)

KEPADA:

PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3. Tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi **tidak lewat pada hari Selasa, 27 Oktober 2026, jam 02.00 petang**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Iklan Tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang website <http://www.mtic.gov.bn> dan <http://www.dca.gov.bn>
5. Bagi Tawaran yang dibukakan semula **retender**, mana-mana syarikat yang **pernah membeli dokumen projek** hendaklah membawa bersama resit pembayaran yuran Sebut harga bagi Sebut harga asal semasa waktu-waktu bekerja biasa bagi mendapatkan dokumen **retender** untuk pertimbangan dikecualikan dari pembayaran yuran kali kedua.

6. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperolehi dokumen dari Seksyen Kewangan, Aras Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan membayar **Yuran Tawaran sebanyak BND\$500.00 hardcopy - tidak dikembalikan** bagi pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut:

Hari Isnin hingga Khamis

8.30 pagi – 11.00 pagi dan 01.30 petang – 2.30 petang

Hari Sabtu

8.30 pagi – 10.30 pagi

7. Yuran Tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima Sebut harga-Sebut harga yang rendah atau lain-lain Sebut harga.
9. Penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei seperti berikut:

Penyelaras Projek 1 : Noorhayati Binti Mohd Yusof
Emel : Noorhayati.Yusof@dca.gov.bn
Penyelaras Projek 2 : Haji Azwan Ashadi Haji Zaini
Emel : Azwan.Zaini@dca.gov.bn
Penyelaras Projek 3 : Nurul Amal Hazirah Binti Azmi
Emel : Hazirah.Azmi@dca.gov.bn
Telefon : 2330142 sambungan 1418/1497
Faks : 2333666

10. **Information Day**

Syarikat yang mengambil Dokumen Tawaran dan berhasrat untuk mengambil bahagian adalah disarankan untuk menghadiri *Information Day*.

Bagi tujuan menghadiri *Information Day*, syarikat adalah dikehendaki untuk mengemukakan permohonan kepada Penyelaras Projek melalui e-mel bagi tujuan penyelarasan, penetapan tarikh dan tempat.

Information Day hanya akan diadakan dalam waktu bekerja seperti berikut:

Hari Isnin

8.30 pagi – 11.00 pagi dan 1.30 petang – 4.00 petang

Hari Sabtu

8.30 pagi – 11.00 pagi

Tempat: Bilik Mesyuarat EPAR, Bangunan ATSC

Nota: Permohonan pas kebenaran masuk ke Bangunan ATSC mungkin mengambil masa **7 hingga 10 hari** untuk mendapatkan kelulusan.